



Sasaran 200 Ribu Pelajar Antarabangsa IPT Menjelang 2020



PUTRAJAYA, 17 Jun – Institut Pengajian Tinggi (IPT) disaran menerapkan elemen pengantarabangsaan untuk mencapai sasaran lebih 200 ribu pelajar antarabangsa menjelang 2020.

Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin berkata sasaran itu bukan setakat menjanakan keuntungan dari segi kewangan tetapi menyebarkan budaya kecemerlangan pengajian tinggi.

"Walaupun IPT negara ini menawarkan program yang hampir sama, Malaysia perlu mencari strategi untuk mempelbagaikan tawaran kepada pelajar berpotensi yang dipanggil 'institutional stakeholders' untuk merealisasikan nilai Pengajian Tinggi Malaysia," katanya ketika merasmikan seminar 'Internationalisation and Marketing of Higher Education Malaysia 2010' di Putrajaya International Convention Centre (PICC) di sini.



Beliau berkata usaha mendapatkan sistem terbaik serta pelajar yang berpotensi di pasaran antarabangsa dapat mengembangkan potensi pelajar dengan cara mereka sendiri supaya taraf pendidikan Malaysia dapat dipertingkatkan.

"Kita menekankan pengalaman pengajian tinggi Malaysia yang unik dan berkualiti berbeza dengan negara-negara lain di dunia.

"Untuk menjayakan usaha ini, koordinasi antara agensi yang berbeza sangat penting seperti staf yang terlibat dalam pemasaran, promosi, pegawai penghubungan pelajar dan unit 'business intelligent', " katanya.



Dato' Seri juga berkata pengantarabangsaan adalah komponen dan agenda kerajaan yang utama dalam mengukuhkan sektor pengajian tinggi di negara ini.

Beliau turut menyeru agar IPT awam dan swasta bekerjasama menjayakan komponen itu kerana ia menggambarkan sektor pengajian tinggi Malaysia secara keseluruhan.

Seminar yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) bertemakan Bringing The World To Malaysia And Malaysia To The World, membincangkan masalah dan strategi meningkatkan kualiti pemasaran dan aktiviti mempromosikan pengajian tinggi di luar negara.

Antara kertas kerja dibentangkan ialah Governance of Institutions in Internationalisation Holeh Timbalan Pengarah Am Jabatan Pengajian Tinggi, Datin Prof. Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir dan Brand Index Study: The Perception of Malaysian Higher Education Brand Overseas oleh pensyarah Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan UPM, Prof. Dr. Samsinar Md. Sidin.

Selain itu, forum bertajuk Best Practices in Marketing of Higher Education melibatkan empat ahli panel iaitu Naib Canselor Open University Malaysia, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Anuwar Ali, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datuk Paduka Dr. Aini Ideris, Presiden Universiti Multimedia, Prof. Dr. Zaharin Yusoff, Timbalan Presiden Limkokwing University of Creative Technology, Dato' Dr. Jayles Yeoh dan Editor Kanan Astro Awani, Kamarul Bahrin Haron sebagai moderator.

Seramai 250 peserta yang terdiri daripada organisasi, agensi dan institusi pengajian tinggi Malaysia menyertai seminar itu.